



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
SMK BANDAR UTAMA DAMANSARA 3
SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN
PERSIARAN BUKIT UTAMA,
47800 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN
TEL : 03-77276166



Rujukan Kami : SMKBU3/600-4/1()
Tarikh :29 Jun 2020

Kepada,
Ibu bapa / Penjaga Murid Tingkatan 5,
SMK Bandar Utama Damansara 3

Tuan,

SURAT MAKLUMAN PENJADUALAN SEMULA TAKWIM PEPERIKSAAN KENDALIAN SEKOLAH DAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (SPM) TAHUN 2020

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sekolah telah dibuka semula mulai 24 Jun 2020 (Rabu) dengan kehadiran murid-murid Tingkatan 5 sahaja. Pihak sekolah sentiasa berusaha mematuhi sepenuhnya Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah seperti yang diarahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

3. KPM telah mengumumkan Pindaan Takwim Persekolahan 2020 yang berakhir pada 18 Disember 2020. Pada 28 Jun 2020, KPM telah mengumumkan Penjadualan Semula Takwim Peperiksaan termasuk SPM 2020. Sehubungan itu, pihak sekolah telah membuat Penjadualan Semula Peperiksaan Kendalian Sekolah bagi tahun 2020 khusus untuk murid-murid Tingkatan 5 (Calon SPM 2020) seperti berikut :

Bil	Perkara	Tarikh
1	Peperiksaan Pertengahan Tahun	3 – 19 Ogos 2020
2	Peperiksaan Percubaan SPM**	5 – 28 Oktober 2020
3	Peperiksaan SPM 2020 (KPM)	6 Jan 2021 – 9 Feb 2021

** Tertakluk kepada pindaan

4. Sehubungan itu, kerjasama tuan /puan amat diharapkan untuk memastikan anak / jagaan tuan / puan dapat HADIR ke sekolah dan bersedia sepenuhnya untuk menghadapi peperiksaan yang dijadualkan. Guru subjek akan memaklumkan kepada anak / jagaan tuan / puan tentang tajuk-tajuk yang akan diuji dalam peperiksaan berkenaan.

5. Pihak sekolah akan memberikan makluman terkini kepada tuan / puan dari semasa ke semasa. Segala kerjasama tuan amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

HAJAH ROS BINTI LIZAN
Pengetua Cemerlang DG54
SMK Bandar Utama Damansara 3
Sekolah Kluster Kecemerlangan
s.k 1. Fail